

Malaysia sedia berunding dengan Filipina

BN 14 SEP 1986

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia sedia berunding dengan Filipina atau mana-mana negara mengenai pertikaian kawasan perairan sebagai jalan penyelesaian terbaik terhadap masalah itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pada masa yang sama Malaysia akan memastikan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan kawasan perairannya dipertahankan daripada dicerobohi.

"Kita sudah menetapkan dalam peta bagi menunjukkan kawasan perairan dan EEZ Malaysia dan mana-mana negara yang mempertikaikannya, boleh menyuarakan bantahan.

"Tetapi disebabkan beberapa negara tidak mempertikaikannya, kita berpendapat bahawa kita benar," katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan Panglima-Panglima Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan hari ini.

Menurutnya, Malaysia pernah menghadapi masalah yang sama dengan Thailand beberapa tahun lalu mengenai kawasan perairan kedua-dua negara.

Ia bagaimanapun diselesaikan menerusi rundingan yang membuat perisytiharan bahawa sebahagian daripada kawasan perairan terbabit dimiliki bersama oleh Malaysia dan Thailand.

"Saya percaya inilah cara terbaik bagi dua negara menyelesaikan masalah kawasan perairan tanpa menimbulkan sebarang rasa tidak puas hati," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas laporan agensi berita luar negara semalam yang mendakwa kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) beberapa kali mencerobohi kawasan perairan Filipina.

Kepada kenyataan itu, Datuk Seri Dr Mahathir mempertahankan bahawa kapal-kapal TLDM berada di perairan Malaysia.

"Perairan Malaysia sendiri kerap dicerobohi tetapi kita tidak pernah menyuarakan bantahan keras," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia sedia berunding jika Filipina sendiri dapat membuktikan dakwaannya.